

SUMBER ZAKAT: PERLUASAN TERHADAP HARTA YANG DIIKHTILAF

Sanep Ahmad*
Hairunnizam Wahid*

ABSTRACT

*Efforts for increasing zakat collection have been undertaken by the government. Privatization of zakat collection through the establishment of Pusat Zakat as being implemented by many states was one of them and seem to be effective. Unfortunately, zakat-base in today's practice of zakat collection was limited only on the traditional sources of zakat known as zakat on the consensus wealth (*ittifāq*). Other wealths are exempted from zakat regardless of their return. However, in reality today, many current economic activities are capable of yielding good returns, probably higher than those of the traditional sources of zakat. Thus zakat should also be considered on these wealth, where zakat-base should not be limited only on the traditional sources but also should be expanded to other sources known as unconsensus wealth (*ikhtilāf*). This study attempts to identify new sources of zakat especially zakat on the unconsensus wealth (*ikhtilāf*) and to examine the perception and acceptance of individuals on this matter. The study utilises primary data collected through out West Malaysia and will be analysed using descriptive analysis. The result shows that based one difference jurist opinions, there are possibilities to extend zakat base. In addition, there are plenty of current economic activities which may be considered as new sources of zakat. However, there are challenges in the implementation proces, such as determining *ḥawl* and *niṣāb*, determining calculation procedure and ensuring zakat to be paid through formal institutions of zakat collection.*

* Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENGENALAN

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk menambah hasil kutipan zakat. Peringkat pertama adalah dengan menambahkan kempen kesedaran tentang kewajipan zakat serta kepentingannya kepada pembangunan umat Islam. Kempen yang telah dilakukan oleh jabatan agama walaupun memberi kesedaran kepada masyarakat, namun tidak dapat menambah hasil kutipan zakat secara signifikan. Sambutan dingin tersebut dipercayai berpunca daripada tanggapan masyarakat tentang ketidakcekapan pengurusan zakat oleh Jabatan Agama dalam mengurus agihan wang zakat. Tanggapan sedemikian adalah berpunca daripada beberapa kes seperti berlakunya pecah amanah, wang zakat disimpan di dalam bank dan tidak dibelanjakan serta kaedah agihan yang tidak saksama. Sejauh mana kebenaran tentang ketidakcekapan ini berlaku adalah isu yang lain tetapi apa yang pasti ialah tanggapan negatif masyarakat tentangnya telah membawa kesan negatif ke atas pungutan zakat.

Sebagai langkah susulan untuk mengatasi kelemahan ini maka pengurusan kutipan zakat telah diswastakan. Langkah ini telah melahirkan pusat kutipan zakat swasta seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Pusat Zakat Selangor (PZS). Langkah ini ternyata telah dapat menambah jumlah kutipan dengan banyak. Langkah di atas walaupun telah dapat menambah hasil kutipan secara menggalakkan tetapi dirasakan masih terdapat lagi bocoran di mana sesetengah individu membayar zakat terus kepada asnaf. Sebagai langkah tambahan untuk mengurangkan bocoran sebanyak mungkin, pelbagai kemudahan telah dilakukan seperti memberi rebet cukai pendapatan terhadap zakat yang dibayar¹, memberi kemudahan tolakan daripada gaji secara bulanan dan membuka kaunter bayaran di pejabat pos dan bank. Walaupun pelbagai usaha dilakukan namun bocoran tetap akan berlaku kerana individu mempunyai persepsi tersendiri tentang tempat terbaik untuk membayar zakat. Masalah bocoran ini sebenarnya tidak membimbangkan berbanding dengan masalah individu tidak mahu membayar zakat.

Langkah terkini yang boleh dilakukan untuk menambahkan hasil zakat ialah dengan meluaskan sumber zakat (*zakat base*). Langkah ini bermaksud meluaskan jenis harta yang perlu dikenakan zakat kepada sumber selain daripada sumber tradisional yang disepakati. Zakat tidak sepatutnya hanya bergantung kepada unta, lembu dan kambing bagi zakat ternakan, atau gandum, kurma, beras dan jagung bagi zakat tanaman, atau emas dan perak bagi zakat galian.

¹ Rebet diberi kepada individu yang membayar zakat pendapatan atau zakat simpanan. Kemudahan ini telah diwartakan dan diperakui oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Beberapa jenis harta yang *diikhtilāf*² wajib zakat perlu dipertimbangkan dengan serius memandangkan kegiatan tersebut mendatangkan hasil yang lumayan. Langkah ini wajar dipertimbangkan dan seterusnya dilaksanakan berdasarkan kepada keadaan di mana banyak aktiviti ekonomi moden hari ini memberi hasil yang lumayan. Petani bukan lagi petani sara diri dan penternak juga bukan lagi penternak sara diri, tetapi mereka telah menjadi pengusaha korporat. Setiap usaha dijalankan secara besar-besaran yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan. Usaha ternakan ayam misalnya boleh mendatangkan hasil jauh lebih lumayan berbanding ternakan kambing. Begitu juga dengan usaha perladangan getah dan kelapa sawit yang boleh mendatangkan hasil lumayan berbanding hasil penanaman padi.

Oleh itu, walaupun hasil tersebut secara fizikalnya ('ain) tidak diwajibkan zakat tetapi mungkin secara 'illahnya boleh dikenakan zakat. Secara logiknya, jika petani padi membayar zakat mengapa tidak dengan pemilik ladang getah dan ladang kelapa sawit sedangkan mereka juga memperolehi hasil yang lumayan? Begitu juga halnya dengan penternak ayam dan ikan berbanding penternak lembu dan kambing.

Para *fuqahā'* telah sepakat dalam menentukan harta yang wajib zakat berdasarkan *nas qat'i* serta berdasarkan *i'llah* wajib zakat. Namun demikian dalam kategori harta yang kian berkembang pada masa kini, '*i'llah* yang digunakan oleh *fuqahā'* terdahulu boleh dikembangkan. '*I'llah* seperti makanan asasi, syarat *nama*' atau tahan lama, tidak memungkin zakat dikenakan bagi sesetengah harta walaupun penghasilannya lumayan. Oleh itu, langkah untuk meluaskan asas zakat ini wajar dipertimbangkan agar zakat tidak hanya bergantung kepada sumber tradisi sahaja. Banyak harta masa kini boleh dipertimbangkan untuk dikenakan zakat sekiranya '*i'llah* zakat diperluaskan lagi berdasarkan kepada kaedah menentukan hukum zakat meliputi kaedah *naṣ qat'i*, *qiyās*, dan kaedah daripada *nas* seperti kaedah kekayaan, kaedah *nama*' dan kaedah memilih yang menguntungkan fakir miskin. Memandangkan kebanyakan harta masa kini adalah berbentuk komersial dan mendatangkan hasil yang lumayan, maka kaedah berdasarkan daripada *naṣ* seperti kekayaan dan *nama*' khususnya amat wajar digunakan.

² *Ikhtilāf* bermaksud tidak disepakati antara *ulamā'* kerana sebahagian *ulamā'* berpandangan wajib zakat manakala sebahagian lagi mengatakan tidak wajib zakat.

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Langkah meluaskan asas zakat memang boleh dilakukan memandangkan terdapat banyak jenis harta dan aktiviti ekonomi masa kini dapat menghasilkan pendapatan yang lumayan. Di dalam sesetengah kes, mungkin hasil usaha sesetengah aktiviti ekonomi mendatangkan hasil jauh lebih lumayan berbanding hasil bagi harta yang diwajibkan zakat. Oleh itu, jika hasil usaha diambilkira, maka adalah wajar zakat harta diperluaskan kepada harta lain yang mendatangkan perolehan yang lumayan. Usaha memperluas zakat bagi harta bukan satu perkara baru. Perluasan asas zakat sebenarnya telah dilakukan seawal zaman Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb³. Beliau telah mengenakan zakat atas kuda yang diperniagakan sedangkan zakat kuda tidak dikenakan sebelumnya. Malah para *ulamā’* juga telah membincangkan soal mengenakan zakat kepada harta yang diikhtilaf sebagaimana dibincangkan di dalam bab zakat.

Pada masa kini, usaha yang sama telahpun dijalankan. Langkah mewajibkan zakat atas pendapatan gaji merupakan contoh terkini. Kewajipan ini adalah berdasarkan kepada alasan jumlahnya yang lumayan dan melepas nisab wajib zakat bagi wang. Jika alasan tersebut diterima pakai, maka terdapat banyak lagi jenis harta dan aktiviti ekonomi semasa yang sesuai untuk dipertimbangkan kewajipan zakat atasnya memandangkan banyak aktiviti ekonomi semasa memberi hasil yang lumayan. Aktiviti seperti pemeliharaan ayam daging, ayam telur, dusun buah-buahan dan perusahaan ladang kelapa sawit serta getah misalnya dapat memberi hasil yang lumayan. Sesetengah aktiviti tersebut dapat memberi hasil lebih baik berbanding hasil tanaman padi. Jadi, jika petani padi wajib mengeluarkan zakat bagaimana pula dengan petani tanaman yang lain?

Namun demikian, sehingga kini, belum dikenalpasti secara tepat apakah jenis harta atau aktiviti ekonomi yang mungkin boleh dikenakan zakat serta apakah alasan atau ‘illah kewajipannya serta bagaimana cara mengira zakatnya. Di samping itu, tidak diketahui bagaimanakah persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan langkah tersebut. Adakah masyarakat bersetuju dan bersedia membayar atau sebaliknya? Persoalan di atas perlu dikaji supaya boleh dijadikan asas untuk membuat persediaan ke arah pengenaan zakat kepada harta yang *diikhtilaf*. Tindakan persediaan adalah perlu supaya pelaksanaannya dapat dirancang dengan rapi agar pelaksanaannya tidak memberi kejutan kepada masyarakat.

³ Surat ‘Umar r.a. kepada Abū Ubaidah yang memberi pilihan kepada tuan-tuan kuda sama ada mereka mahu membayar satu dinar bagi setiap ekor kuda atau dinilainya dengan dirham, kemudian diambil lima dirham dari setiap dua ratus dirham (Riwāyat Dār al-qutnī).

Sehubungan dengan persoalan di atas objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenalpasti dan mencadangkan sumber baru zakat harta bagi harta *diikhtilaf*;
- b) Meneliti ‘*illah* zakat bagi harta tersebut;
- c) Meneliti kemungkinan syarat zakat harta tersebut; dan
- d) Meneliti kesediaan masyarakat membayar zakat harta tersebut.

KAJIAN LEPAS

Sumber Zakat Tradisional

Ulama telah sepakat dalam mengenakan zakat ke atas harta yang dinyatakan secara jelas mengikut *naṣ qat’ī*. Sumber zakat sedemikian dinamakan sebagai sumber zakat tradisional. Umumnya ia terdiri dari lima kategori harta iaitu zakat wang (*nuqūd*), zakat tanaman, zakat ternakan, zakat galian, dan zakat perniagaan. Zakat wang (*nuqūd*) merupakan zakat ke atas wang tunai yang dimiliki; zakat tanaman pula merupakan zakat bagi hasil bijirin seperti gandum, barli, kurma, kismis, jagung dan sultu (sejenis barli); bagi ternakan pula ialah *al-an’ām* iaitu unta, lembu dan kambing; bagi galian pula ialah galian yang bersifat pejal dan berharga khususnya emas dan perak; dan bagi perniagaan pula merupakan apa-apa harta selain daripada emas dan perak yang disediakan untuk perniagaan.

Sumber yang *diittifāq* oleh ulama tersebut merupakan sumber tradisional yang telah dizakat sekian lama. ‘*Illahnya*, syarat nisab dan haul serta jenis hartanya telah disepakati tanpa banyak perbezaan di kalangan ulama’ tentangnya. Secara ringkas, syarat-syarat zakat seperti ‘*illah*, haul dan nisab bagi kesemua kategori harta yang *diittifāq* oleh ulama boleh dinyatakan seperti di dalam Jadual 1.

Perbahasan tentang wajib zakat bagi harta yang *diikhtilaf* telah dilakukan sejak sekian lama namun tiada pelaksanaan tentangnya secara tepat dan berkesan. Oleh itu isu ini terus dibincangkan terutama dalam zaman ini di mana kegiatan ekonomi kian pelbagai dan bertambah kompleks. Persoalan ini sebenarnya lebih relevan untuk diperincikan pada masa kini kerana wujudnya kegiatan ekonomi yang pelbagai sifatnya. Walau bagaimanapun, pandangan *fuqahā’* terdahulu amat berguna untuk dirujuk dan digunakan sebagai panduan.

Jadual 1: Zakat Bagi Harta Yang Disepakati (*ittifaq*)

Kategori harta	Jenis harta	'Illah	Haul	Kadar/Nisab
Nuqud	Wang tunai	<i>Al-nama'</i>	1 tahun	2.5% (20 misqal / 20 dinar)
Tanaman	Gandum, barli, kurma, jagung, kismis	Mengenyangkan, tahan lama, makanan asasi	Tanpa haul (selepas menuai)	5% atau 10% (5 awsuq)
Ternakan	Unta, lembu, kambing	<i>Al-nama'</i>	1 tahun	Mengikut jenis binatang
Galian	Galian pejal boleh lebur iaitu emas dan perak	Mempunyai nilai harta	Selepas ditemui	2.5% atau 20% (20 misqal)
Perniagaan	Setiap harta yang diperniagakan	Menggandakan & menguntungkan	1 tahun	2.5% (20 dinar)

Sumber: Diringkaskan dan dijadualkan berdasarkanuraian bab zakat daripada Sayyid Sābiq⁴ (1981), Yūsuf Qardāwī⁵ (1991) dan Muḥammad Kamal ‘Atiyah⁶ (1995)

Sumber Zakat *Diikhtilaf*

a) Pandangan *fuqahā'* terdahulu:

Kajian dan perbincangan tentang kewajipan zakat bagi harta yang *diikhtilaf* telah lama dibincangkan. Beberapa penulis seperti Sayyid Sābiq⁷ (1994), Yūsuf al-Qardāwī⁸ (1991), Zuhaylī⁹ (1994), dan Ibrāhīm Fādil al-Dabū¹⁰ (1996) telah menyentuh beberapa persoalan tentang mewajibkan zakat bagi harta yang *diikhtilaf*. Perbezaan pandangan *fuqahā'* tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:

⁴ Sayyid Sābiq (1981), *Fikih Sunnah* (terj), j. 3. Bandung, PT al-Maarif, h. 5 – 77.

⁵ Yusuf Qardāwī (1991), *Fiqh al-Zakāt*, j. 1. Beirut: Muassassah al-Risālah, h. 318 – 441.

⁶ Muhamad Kamal ‘Atiyah (1995), *Perakaunan Zakat: Teori dan Praktis* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

⁷ Sayyid Sābiq (1994), *Fiqh al- Sunnah*, j. 1. Qāhirah: Dār al-Fatḥ li al-I' lām al-'Arabi, h. 334 – 336.

⁸ Yūsuf Qardāwī, *op. cit*, h. 452 – 453.

⁹ Wahbah Zuhaylī (1996), *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj), j. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 748.

Zakat tanaman

Para *fuqahā'* berbeza pendapat mengenai wajib zakat bagi tanaman yang lain selain dari yang *diittifāq*. Secara ringkas perbezaan pandangan tersebut adalah seperti berikut:

i) Hassan Baṣrī, Thauri, Ibn Abī Layla, Ibn Sirin dan al-Syu‘aybi¹¹.

Tidak wajib zakat kecuali pada jenis yang mempunyai keterangan tegas. Oleh itu, zakat hanya dikenakan ke atas hasil pertanian yang terdapat nas jelas ke atasnya seperti gandum, barli, kismis dan kurma.

ii) Mazhab Abū Ḥanīfah

Wajib zakat pada setiap yang ditumbuhkan bumi, tidak ada bezanya sayuran dan lain-lain. Hanya disyaratkan menanamnya dengan maksud mengambil hasil bumi. Dikecualikan kayu api, rumput, tebu, dan pohon yang tidak berbuah.

iii) Mazhab Abū Yūsuf dan Muḥammad bin al-Hassan¹²

Wajib zakat bagi setiap apa yang keluar dari tanah dengan syarat dapat bertahan selama setahun tanpa banyak pengawetan, sama ada ia ditakar atau ditimbang. Jika tidak dapat bertahan seperti mentimun dan semangka, maka tidak wajib zakat.

iv) Mazhab Mālik bin Anas

Wajib zakat bagi yang tahan lama dan kering serta niat ditanam sama ada sebagai makanan asasi (gandum dan padi) atau tidak (kunyit dan bijan). Tidak wajib zakat pada sayuran dan buah-buahan.

v) Mazhab Syāfi‘ī

Wajib zakat pada apa yang dihasilkan bumi dengan syarat ia menjadi makanan asasi dan boleh disimpan dan merupakan hasil tanaman manusia. Tidak wajib zakat ke atas sayuran.

vi) Mazhab Aḥmad bin Ḥambal

Wajib zakat bagi setiap yang dikeluarkan Allah dari bumi baik berupa bijan dan buah-buahan asalkan ditanam manusia, sama ada ia makanan asasi atau tidak dengan syarat ia bersifat tahan lama, boleh dikeringkan dan disukat. Wajib zakat bagi buah-buahan kering tetapi tidak wajib zakat bagi basah seperti semangka, betik, jambu dan mentimun.

¹⁰ Ibrahim Fāḍil al-Dabu (1996), *al-Ma’ādin wa al-Rikāz Dirāsāt fi al-Iqtisād al-Islāmi*. Jordan: Dār al-‘Umar, h. 17 – 20.

¹¹ Ibn Rushd (t.t.), *Bidāyat al-Mujtahid*, juzuk 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 184.

¹² Sayyid Sābiq (1994), *op. cit.*, h. 334 .

Rumusan dari perbezaan pandangan tersebut, berdasarkan kepada ‘*illah zakat pertanian* maka hanya tanaman yang menjadi makanan ruji, mengenyangkan dan boleh disimpan dikenakan zakat. Namun demikian untuk perluasan sumber zakat, semua hasil pertanian boleh dipertimbangkan untuk dikenakan zakat jika kita mengambil kira pandangan Imam Abū Ḥanīfah dan *fuqahā'* yang sependapat dengannya seperti mazhab Ahmad bin Hanbal.

Zakat ternakan

Dalam kes zakat ternakan, para *fuqahā'* bersetuju bahawa tidak wajib zakat pada haiwan yang tidak termasuk dalam *al-an'ām* (unta, lembu, kambing). Maka tidak wajib zakat pada kuda, baghal dan himar dan sebagainya *kecuali jika diperniagakan*. Hanya Imam Abū Ḥanīfah yang berpendapat bahawa kuda dikenakan zakat. Ini bermakna bahawa usaha ternakan adalah dikenakan zakat jika ia diperniagakan.

Zakat galian

Fuqahā' juga berbeza pendapat mengenai wajib zakat bagi galian. Secara ringkas, perbezaan pandangan tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:¹³

i) Mazhab Abū Ḥanīfah

Wajib zakat pada semua barang yang dapat dilebur dengan api seperti emas, perak, besi dan tembaga (logam berbentuk pepejal). Zakat tidak disyaratkan nisab sama ada sedikit atau banyak. Adapun yang tidak cair seperti permata, maka tidaklah wajib zakat.

ii) Mazhab Mālik dan Syafī'i.

Wajib zakat pada galian pepejal untuk emas dan perak sahaja. Zakat dikenakan tidak disyaratkan haul.

iii) Mazhab Aḥmad

Segala hasil bumi yang berharga dan tercipta di dalamnya seperti emas, perak, timah, besi permata, zamrud, berlian, minyak dan belerang adalah wajib zakat dengan syarat hasilnya cukup satu nisab sama ada dengan dirinya atau menurut nilai harganya.

Ini bermakna bahawa dalam kes harta galian, penggunaan pandangan Imam Ahmad akan memungkinkan kita mengenakan zakat ke atas semua harta galian yang diperolehi dari perut bumi.

13 Sayyid Sābiq (1981), *op. cit.*, h. 73-77.

Zakat pendapatan / perolehan kerja bebas

Ditetapkan dalam mazhab empat bahawa *al-Māl al-Mustafād* wajib dikenakan zakat. Perbezaan wujud dalam syarat zakat sama ada ia dibayar selepas memenuhi syarat nisab dan haul atau syarat nisab sahaja. *Tarjīḥ* dalam perbahasan ini ialah wajib zakat *al-Māl al-Mustafād* sebaik sahaja diterima tanpa memerlukan syarat haul. Ini berdasarkan kepada pendapat sebahagian sahabat terutama Ibn ‘Abbās, Ibn Mas’ūd dan Muawiyyah, dan pendapat *tabi’īn* seperti al-Ḥassan al-Baṣrī dan ‘Umar bin ‘Abdul ‘Azīz.¹⁴ Zakat dikenakan pada kadar 2.5% sebagaimana dijelaskan lagi oleh Mujaimi Tarimin¹⁵ (1991). Begitu juga dengan perolehan yang lain seperti sewa rumah dan mas kahwin. Ia perlu dibayar zakat sebaik sahaja diterima sekiranya memenuhi syarat nisab.

Bagi perolehan yang lain iaitu perolehan pendapatan daripada kerja bebas, umumnya ia dikenakan zakat sebagaimana pendapatan gaji dan *al-Māl al-Mustafād*. Rumusan penting dari perbezaan pandangan di atas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang yang boleh diikuti untuk membolehkan zakat dikenakan ke atas harta-harta yang *diikhtilāf*.

b) Perbincangan semasa

Isu mengenakan zakat kepada harta yang *diikhtilāf* mula dibincangkan dalam muktamar zakat yang pertama pada 30 April 1984 di Kuwait. Beberapa jenis harta telah disebut sebagai wajib dizakat seperti saham, bon dan harta *al-mustaghallāt*.¹⁶ Namun demikian, pelaksanaannya sehingga kini tidak diperincikan secara jelas.

Dalam kes di Malaysia, perbincangan terperinci dan kempen penerangan bermula dengan kes mewajibkan zakat ke atas pendapatan gaji. Perbincangan awal banyak menyentuh tentang persoalan perundangan. Kajian oleh Mohd Daud Bakar¹⁷ (1999),

14 Yūsuf Qardāwī (1991), op. cit, h. 219.

15 Mujaimi Tarimin (1999), Zakat Pendapatan: Hukum dan Persoalannya. Kuala Lumpur: Kaisha Services Sdn. Bhd., h. 141.

16 Sila lihat Muhammad Kamal ‘Atiyah (1995), op. cit., h. 44, 69 dan 73.

17 Mohd Daud Bakar (1999), “The Malaysian Zakat System: Law and Policy Reform”, *Jurnal Undang-undang IKIM*, Vol.2 No.2 , hh. 22 – 29.

Mahmood Zuhdi¹⁸ (1992), Muhammad Kamal¹⁹ (1995) dan Abdul Rashid Dail²⁰ (1979) membincangkan pelbagai pandangan tentang kewajipan zakat atas pendapatan gaji berdasarkan qias dan illah zakat. Keperluan kepada perundangan khusus ke atasnya ini penting kerana berlakunya perbezaan antara negeri di Malaysia tentang wajib atau tidak zakat atas pendapatan gaji. Perbincangan perbandingan antara zakat atas pendapatan gaji dan cukai pendapatan serta jenis pendapatan yang mungkin dizakat telah dilakukan oleh Monzer Khaf²¹ (1991) dan Zulkarnain²² (1994) dan Abdul Hamid Mohd Hassan²³ (1998). Secara umum, mereka menyimpulkan bahawa zakat adalah berbeza dengan cukai pendapatan dan tuntutan zakat adalah berbeza dengan tuntutan cukai pendapatan.

Perbincangan tentang kewajipan zakat pendapatan gaji dilakukan menyimpulkan bahawa terdapat tiga pandangan berbeza tentang kewajipan zakat ke atas pendapatan gaji. Pandangan pertama mengatakan tidak ada dalil wajib zakat pendapatan gaji tetapi individu digalakkan membayar. Pandangan kedua pula mengatakan wajib zakat pendapatan gaji atas alasan maslahah masyarakat. Pandangan ketiga mengatakan wajib zakat pendapatan gaji atas alasan nas al-Quran dan Ijtihad. Namun, apa yang penting ialah walaupun terdapat berbeza pandangan tentang wajib zakat pendapatan gaji, kini masyarakat secara umumnya telah menerima wajib zakat atas pendapatan gaji. Usaha terperinci belum dilakukan untuk membahaskan kemungkinan mengenakan zakat kepada harta *diikhtilāf* yang lain selain daripada pendapatan gaji. Pengalaman negara Islam yang lain juga menunjukkan bahawa mereka hanya menghadkan perbincangan kepada zakat pendapatan gaji dan fatwa terkini juga hanya meliputi kepada kewajipan zakat atas zakat pendapatan gaji.

¹⁸ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), "Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan Al-Qardawi dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional", *Medium*, Vol. 2.

¹⁹ Muhammad Kamal 'Atiyah 'Atiyah (1979), *op. cit.*, h. 313.

²⁰ Abdul Rashid Dail (1979), "Zakat Gaji dan Pendapatan Bebas", *Jurnal Islamiyyat*, Jil. 2, h. 1-20.

²¹ Monzer Kahf (1987), "Zakat – Unresolved Issues", dalam Abul Hassan Muhammad Sadeq *et al.* (ed.), *Development and Finance in Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Press, h. 179.

²² Zulkarnain Yusof (1994), *Percakaian Negara Islam : Perbandingan Percakaian Modern dengan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

²³ Abdul Hamid Mohd Hassan (1998), "Antara Zakat dan Cukai Pendapatan.: Satu Analisis Penyelarasan" (Kertas Kerja Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan di Pusat Matrikulasi, Universiti Sains Malaysia, 5 – 6 November 1998), h. 2 - 5.

Sehubungan dengan ini, perbincangan yang terperinci sebenarnya perlu dilakukan kepada harta *diikhtilaf* yang lain supaya asas zakat dapat dikembangkan. Jika perbincangan khusus boleh dilakukan dan dapat diputuskan berkenaan dengan zakat pendapatan gaji, maka tidak mustahil jika perkara yang sama akan berlaku kepada jenis harta yang lain. Ini adalah ruang yang masih ada dan perlu diterokai dalam suasana ekonomi yang kian bertambah maju. Ketiadaan perundangan akan memberi kesan kepada kelancaran pelaksanaannya.²⁴ Oleh itu, pelaksanaannya adalah perlu kepada keseragaman undang-undang. Kesan yang nyata akibat perbezaan pandangan antara negeri serta tidak adanya perundangan yang seragam ialah sesetengah individu enggan membayar zakat ke atas pendapatan gaji. Keengganan tersebut timbul kerana perbezaan tersebut telah mempengaruhi sikap individu tentang kewajipan zakat. Sikap didapati berperanan dalam menentukan kepatuhan membayar zakat atas pendapatan gaji.²⁵

Keseragaman perundangan dan adanya fatwa tentang kewajipan bukan satu-satunya faktor penentu ketaatan membayar zakat. Masalah kepatuhan membayar adalah berkait dengan iman, kefahaman dan ketaatan kepada perintah Allah. Ia bukan sesuatu yang boleh dipaksa kerana ketaatan sebenar adalah berkait dengan iman. Untuk tujuan meningkatkan ketaatan membayar masih terdapat delima antara paksaan dan pujukan.²⁶ Di samping itu, terdapat juga faktor luaran yang boleh mempengaruhi sikap seperti persekitaran, pengurusan yang kurang baik dan pelaksanaan perundangan. Masalah dan persoalan yang sama mungkin timbul jika zakat dikenakan ke atas harta lain yang *diikhtilaf* selain daripada pendapatan gaji. Masyarakat bukan sahaja akan berbeza pendapat tentang wajib atau tidak zakat ke atas harta tersebut tetapi juga akan berbeza pendapat tentang ‘*illah* zakat sebagai mana kes zakat pendapatan dan seterusnya sedia atau tidak sedia membayar zakat bagi sesuatu harta tertentu.²⁷

²⁴ Muhammad Syukri Salleh (2002), “Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoritis”, dalam Hailani Muji Tahir *et al.* (ed.), *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 105 – 118.

²⁵ Kamil Md Idris (2002), “Kesan Persepsi Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji”, Dalam Hailani Muji Tahir *et al.* (ed.), *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia., h. 201 – 220.

²⁶ Ahmad Hidayat Buang (2002), “Delima Perundangan Zakat Di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujikan”, Dalam Hailani Muji Tahir *et al.* (ed.), *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 193 – 200.

²⁷ Lihat Zahri Hamat (2002), “Perakaunan Zakat Pendapatan: Satu Kajian Semula”, Dalam Hailani Muji Tahir *et al.* (ed.), *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia., h. 155 – 168.

Dipandang dari aspek cara pengiraan, jika bagi zakat pendapatan gaji terdapat beberapa kaedah pengiraan yang dicadangkan maka begitu jugalah bagi kes zakat bagi harta lain yang *diikhtilaf*. Kaedah terperinci perlu difikirkan bagi sesuatu jenis harta yang akan dizakat. Apa yang penting sekarang ialah masyarakat telah mula menerima tentang kewajipan zakat atas pendapatan gaji. Oleh itu, usaha yang sama boleh dilakukan ke atas harta lain bagi tujuan meluaskan lagi asas harta untuk dizakat.

c) *Kaedah menentukan zakat*

Zakat dikenakan ke atas sesuatu harta berdasarkan kepada beberapa kaedah:

i) Nas *qat'i* dari al-Quran dan al-Hadis

Sebarang harta yang disebut secara terang tentang wajib zakatnya maka wajiblah ia seperti kurma, gandum, unta, lembu dan kambing. Kaedah ini telah digunakan dalam menentukan sumber zakat tradisional.

Bagi harta yang tidak dinyatakan secara jelas, maka ia akan ditentukan kepada kaedah lain seperti berikut:

ii) Kaedah *qiyās*

Harta dikenakan zakat kerana berdasarkan kepada atau diqiaskan kepada ‘*illahnya*. Jika ‘*illahnya* sama, maka ia dikenakan berdasarkan kepadanya. Misalnya pendapatan gaji diqiaskan kepada *illah* emas dan perak iaitu pendapatan dalam bentuk wang. Oleh itu, wang gaji akan dizakat berdasarkan syarat nisab, kadar dan haul emas dan perak.

iii) Kaedah daripada nas

Berdasarkan kepada kaedah daripada nas terdapat beberapa prinsip untuk sesuatu harta itu dikenakan zakat:

Kaedah kekayaan

Setiap orang kaya dikenakan zakat dengan sebab memiliki kekayaan, oleh itu akan dikenakan zakat atas setiap harta yang dimiliki yang memberi kekayaan. Seseorang dianggap kaya jika melepassi nisab zakat yang ditentukan tertakluk kepada kumpulan harta yang sama jenis dengannya.

Kaedah al-nama'

Sebarang harta yang boleh berkembang sama ada dengan sendirinya atau dikembangkan dengan usaha.

Kaedah yang menguntungkan fakir miskin

Apabila terdapat dua sebab ‘*illah* wajib zakat atau terdapat perselisihan pendapat ulama’ tentang wajib zakat maka mana yang lebih menguntungkan fakir miskin akan dipilih.

ii) Kaedah *qiyās*

Kaedah ini mengguna pakai ‘*illah* yang digunakan oleh *fuqahā'*. ‘*Illah* yang telah diterima sebagai alasan untuk mengenakan zakat ke atas sesuatu hasil boleh diaplikasikan ke atas hasil yang baru jika didapati sesuai.

v) Kaedah lain yang bersesuaian dengan syariah Islam

Kajian ini akan mengenalpasti apakah sumber baru harta *diikhtilāf* untuk dizakat serta meneliti bagaimana penerimaan masyarakat terhadap langkah mewajibkannya.

SUMBER BARU ZAKAT HARTA : HARTA DIIKHTILĀF

Terdapat banyak aktiviti ekonomi yang boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan iaitu nilai hasilnya melebihi nilai nisab zakat harta/zakat wang. Walaupun sukar menentukan berapakah hasil sesuatu usaha itu secara pasti tetapi kajian menunjukkan bahawa sesetengah individu mendapat hasil yang cukup lumayan. Dalam menentukan jenis harta yang patut dizakat, pandangan beberapa pihak perlu diambilkira. Pandangan Jumhur mengatakan bahawa zakat perlu dikenakan pada setiap yang keluar daripada muka bumi. Jika diperincikan pandangan *fuqahā'* pula, terdapat pandangan *fuqahā'* yang membolehkan zakat dikenakan ke atas setiap jenis harta yang *diikhtilāf*. Begitu juga berdasarkan kepada peristiwa ketika Mu‘az ibn Jabal dihantar ke Yaman di mana Rasulullah menyuruhnya mengambil harta daripada yang kaya dan dibahagi kepada yang miskin. Ini membawa erti bahawa orang kaya perlu membayar zakat. Oleh itu, zakat boleh dikutip berdasarkan kepada alasan hasil dan kekayaan.

Terdapat banyak usaha yang dilakukan pada masa kini mendatangkan hasil yang lumayan yang dengannya boleh menggolongkan pengusahaanya sebagai orang kaya. Akan tetapi, sesetengah perolehan sifatnya adalah tidak tetap, kadang-kadang banyak dan kadang-kadang sedikit. Namun demikian, apa yang pasti ialah usaha tersebut boleh mendatangkan penghasilan yang lumayan, menjadikannya dirinya kaya dan amat wajar untuk usaha tersebut dipertimbangkan kewajaran membayar zakat atasnya.

Jika dinilai secara terperinci terdapat banyak usaha boleh dipertimbangkan. Dalam kajian ini telah disenaraikan 25 aktiviti ekonomi. Untuk memudahkan analisis di dalam kajian ini aktiviti ekonomi tersebut akan dikategorikan secara umumnya kepada empat kategori utama iaitu gaji, perolehan pendapatan bebas dan profesional; hasil tanaman; hasil ternakan dan hasil perlombongan. Perincian bagi harta tersebut adalah seperti berikut:

a) Perolehan, Pendapatan Bebas, dan Profesional

Perolehan, pendapatan bebas dan profesional didefinisikan sebagai semua pendapatan atau perolehan hasil yang diperolehi daripada kegiatan ekonomi yang diterima dalam bentuk wang secara langsung seperti perolehan daripada bon, saham dan usaha pendapatan bebas serta pendapatan *al-mustaghallāt* ataupun perolehan bukan dari kegiatan ekonomi seperti mas kahwin dan hadiah.

Terimaan didefinisikan sebagai semua terimaan yang diterima sama ada dalam bentuk wang dan bukan bentuk wang seperti mas kahwin, hadiah atau *hibah*. Bagi terimaan dalam bentuk bukan wang seperti hadiah kereta atau rumah maka taksirannya dibuat berdasarkan nilainya.

Banyak aktiviti ekonomi semasa masa kini boleh mendatangkan pendapatan wang yang lumayan misalnya pendapatan bebas, bon, saham, dan royalti. Perolehan kategori ini sebenarnya boleh dicampurkan dengan pendapatan gaji dan mengkategorikannya kepada pendapatan perolehan wang. Begitu juga dengan terimaan khususnya dalam bentuk wang seperti mas kahwin dan *hibah* atau hadiah. Jumlah ini boleh disatukan kesemuanya sebagai pendapatan wang. Nilai pendapatan wang atau terimaan adalah pelbagai sifatnya, ada yang bersifat tetap dan ada yang tidak tetap. Oleh kerana ia bersifat wang, maka pemilik boleh dikenakan zakat berdasarkan sifatnya sebagai orang kaya yang memiliki wang. Dengan itu, setiap usaha yang mendatangkan wang maka hasilnya akan dijumlahkan dan wajar untuk dizakat berdasarkan '*illah* kekayaan yang dimiliki.

Ringkasnya perolehan boleh dikategorikan kepada dua iaitu gaji dan perolehan dari pendapatan bebas. Perolehan dari pendapatan bebas meliputi semua aspek perolehan yang mendatangkan pendapatan seperti royalti, saham, honorarium, keuntungan kontraktor, dan hasil pembalakan hutan. Begitu juga dengan lain-lain perolehan yang tidak berpunca dari kegiatan ekonomi seperti mas kahwin, dan hadiah.

Jadual 2: Zakat Perolehan Sumber Diikhtilaf

Perolehan	Kategori	'Illa'	Syarat	Kadar
Pendapatan/ perolehan	a) Pekerjaan - Gaji, upah,	Kekayaan (emas,perak, wang)	Nisab dan haul	2.5%
	b) Perolehan bebas - royalti, saham, bon, honorarium	Kekayaan, <i>al-nama'</i> (pertanian)	Nisab sahaja	5% -10%
	c) Lain-lain - mas kahwin, hadiah	Kekayaan (emas, perak, wang)	Nisab sahaja	2.5%

b) Hasil Tanaman

Hasil tanaman didefinisikan sebagai semua hasil pertama yang diperolehi daripada usaha tanaman sama ada ia adalah tanaman jangka pendek atau tanaman jangka panjang. Tanaman jangka pendek ditakrifkan sebagai tanaman yang penghasilannya diperolehi sekali untuk setiap kali kohot tanaman seperti sayuran, tomato, kacang panjang dan nenas. Tanaman jangka panjang pula ditakrifkan sebagai tanaman yang penghasilannya diperolehi secara berkekalan dalam jangka masa yang panjang untuk sekali tanam seperti kelapa sawit, getah dan kelapa.

Para *fuqahā'* berbeza pendapat mengenai wajib zakat bagi tanaman yang lain selain dari yang *diittifāq*. Namun ada pandangan yang membolehkan zakat dikenakan ke atas semua hasil tanaman. Misalnya pandangan Mazhab Abū Hanīfah yang menyatakan wajib zakat pada setiap yang ditumbuhkan bumi, tidak ada bezanya sayuran dan lain-lain. Hanya disyaratkan menanamnya dengan maksud mengambil hasil bumi. Dikecualikan kayu bakar, rumput dan pohon yang tidak berbuah.

Begitu juga dengan pandangan Abū Yūsuf bin Muḥammad yang menyatakan wajib zakat bagi setiap apa yang keluar dari tanah dengan syarat dapat bertahan selama setahun tanpa banyak pengawetan, sama ada ia ditakar atau ditimbang. Jika tidak dapat bertahan seperti mentimun dan semangka maka tidak wajib zakat. Bagi Mazhab Ahmad jelas menyatakan wajib zakat bagi setiap yang dikeluarkan Allah dari bumi baik berupa bijian dan buah-buahan asalkan ditanam manusia , sama ada ia makanan asasi atau tidak. Wajib zakat bagi buah-buahan kering tetapi tidak wajib zakat bagi basah seperti semangka, betik, jambu dan mentimun.

Berdasarkan pandangan berbeza di atas tidaklah keterlaluan jika usaha dilakukan untuk mengenakan zakat kepada semua hasil tanaman khususnya mengikut pandangan Imam Abū Hanīfah. Dalam kes pertanian, terdapat dua kategori tanaman boleh dipertimbangkan berdasarkan sifat fizikalnya dan sifat perolehannya agak berbeza. Sifat fizikal tanaman adalah sama ada ia tahan lama atau tidak tahan lama manakala sifat perolehannya ialah sama ada ia jangka pendek atau jangka panjang.

1. Hasil tanaman tahan lama

Tanaman jenis ini amat wajar dizakat bertepatan dengan pandangan *fuqahā'* yang berpandangan bahawa semua jenis tanaman yang tahan lama wajib dizakat tidak mengira sama ia makanan ruji atau tidak. Dalam kes di Malaysia, tanaman dalam kategori ini boleh dikategorikan dalam dua jenis umum iaitu:

a) Hasil tahan lama dan pokok jangka panjang

Tanaman jenis ini merupakan tanaman yang hasilnya boleh tahan lama dan penghasilannya berbentuk jangka panjang. Contoh tanaman jenis ini ialah kopi dan koko, ianya boleh disimpan lama dan penghasilannya berjangka panjang di mana sekali tanam membolehkan hasil diperolehi untuk beberapa tahun. Memandangkan ia adalah jenis dikenakan zakat berdasarkan '*illah* tahan lama tetapi hasilnya berpanjangan dari satu penanaman, maka zakat boleh dikenakan berdasarkan syarat haul dan nisab berdasarkan nilainya. Hasil boleh dikumpulkan untuk jangka masa setahun dan dikirakan zakat tahunan dengan kadar zakat 2.5% berdasarkan nilainya.

b) Hasil tanaman tahan dan pokok lama jangka pendek

Tanaman jenis ini merupakan jenis tanaman yang hasilnya boleh disimpan lama tetapi penghasilannya adalah berbentuk jangka pendek iaitu hasil dikutip sekali untuk setiap kali tanaman, contohnya ialah bawang, kunyit, halia, kentang, keledek dan kacang tanah. Memandangkan ia tergolong dalam kategori wajib zakat mengikut pandangan sebahagian ulama berdasarkan '*illah* tahan lama, maka ia boleh dipertimbangkan untuk dikenakan zakat dengan syarat nisab tanpa syarat haul. Ia perlu dizakat setiap kali lepas menuai dan dikenakan kadar zakat sebanyak 2.5% berdasarkan nilainya.

2. Hasil tidak tahan lama

Hasil tanaman yang bukan makanan ruji serta tidak tahan lama juga wajar dipertimbangkan zakat memandangkan hasil tanaman tersebut pada masa kini adalah lumayan. Oleh itu, zakat dikenakan berdasarkan kepada *illah* kekayaan. Bagi petani yang memperolehi hasil melebihi nisab zakat, maka wajar dikenakan zakat. Pertanian dalam kategori ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

a) Hasil tidak tahan lama dan pokok jangka panjang

Tanaman jangka panjang adalah tanaman yang penanaman pada satu kohot dapat memberi hasil berkekalan pada jangka masa yang panjang. Tanaman dalam kategori ini berpanjangan dan beberapa kali dalam setahun misalnya termasuk kelapa sawit, getah, kelapa dan dusun buah-buahan. Memandangkan hasil dikutip secara berkekalan maka syarat zakat ke atasnya memerlukan syarat haul dan syarat nisab berdasarkan nilainya. Zakat boleh dikenakan berdasarkan jumlah hasil tahunan dengan kadar 2.5%.

b) Hasil tak tahan lama dan pokok jangka pendek

Tanaman dianggap jangka pendek jika penanaman asal musnah dan penanaman baru perlu dibuat semula selepas sekali tuai misalnya hasil tomato, sayuran, kacang panjang dan pisang. Memandangkan hasil dikutip secara jangka pendek, maka syarat zakat yang perlu adalah syarat nisab tanpa syarat haul. Zakat boleh dikenakan setiap kali tuaian dengan kadar 2.5% berdasarkan nilainya.

Ringkasan kepada perbincangan di atas boleh ditunjukkan seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Zakat Pertanian Sumber Diikhtilaf

Hasil pertanian	Kategori	'Illah	Syarat	Kadar
Hasil tahan lama	a)Pokok jangka panjang -Kopi, koko	Tahan lama / kekayaan	Haul dan nisab	2.5%
	b)Pokok jangka pendek -Bawang, kunyit, halia, kacang tanah	Tahan lama/ kekayaan	Nisab tanpa haul	2.5%
Hasil tak tahan lama	a)Pokok jangka panjang -Kelapa sawit, getah, dusun	Kekayaan	Haul dan nisab	2.5%
	b)Pokok jangka pendek -Tomato, sayuran, kacang panjang	Kekayaan	Nisab tanpa haul	2.5%

c) Hasil Ternakan

Hasil ternakan didefinisikan sebagai semua hasil yang diperolehi daripada kegiatan ternakan haiwan sama ada ia bersifat secara langsung atau tidak langsung. Perolehan secara langsung bermaksud hasil jualan daripada haiwan ternakan tersebut secara langsung seperti jualan daging, ayam atau ikan manakala perolehan tidak langsung adalah perolehan yang dihasilkan daripada jualan keluaran sampingan haiwan seperti telur dan susu.

Para *fuqahā'* bersetuju bahawa tidak wajib zakat pada haiwan yang tidak termasuk dalam *an'ām* (unta, lembu, kambing). Maka, tidak wajib zakat pada kuda, keldai dan sebagainya kecuali jika diperniagakan.

Akan tetapi ternakan masa kini telah dikomersialkan dan mendatangkan hasil yang lumayan. Umumnya kegiatan tersebut adalah untuk maksud perniagaan. Walaupun binatang yang diternak tidak termasuk dalam kategori binatang *an'ām* yang wajib zakat, tetapi hasil lumayan dari perniagaan memungkinkan untuk dipertimbangkan zakat ke atasnya. Usaha penternakan ayam, ikan atau udang ternyata boleh mendatangkan hasil yang lumayan. Berdasarkan alasan ia diperniagakan dan mendatangkan hasil perolehan yang lumayan inilah, ia wajar dipertimbangkan zakat. Zakat akan dikenakan bukan berdasarkan fizikalnya (haiwan) tetapi berdasarkan nilainya atau perolehannya. Hasil ternakan yang kini bersifat komersial boleh mendatangkan hasil dalam dua kategori:

1. Hasil ternakan jangka panjang

Hasil ternakan panjang adalah ternakan di mana hasil diperolehi berpanjangan bagi setiap kohot ternakan, misalnya penghasilan telur ayam, susu kambing, susu lembu dan madu lebah. Hasil ternakan jenis ini perlu syarat nisab dan syarat haul. Zakat dikenakan berdasarkan *illah* kekayaan setahun sekali berdasarkan nilainya sebanyak 2.5%.

2. Hasil ternakan jangka pendek

Hasil ternakan jangka pendek adalah ternakan di mana hasil diperolehi sekali sahaja bagi setiap kohot ternakan. Kohot baru diperlukan untuk memperoleh setiap hasil yang baru, misalnya ternakan ikan, ayam daging, dan burung puyuh. Hasil ternakan perlu dizakatkan dengan syarat nisab tanpa syarat haul. Zakat dikenakan berdasarkan *illah* kekayaan pada setiap kali penghasilan berdasarkan nilainya sebanyak 2.5%.

Oleh kerana zakat ternakan tersebut tidak mungkin mengikut kaedah zakat haiwan memandangkan sifatnya yang diperniagakan dan mendatangkan pendapatan wang, maka memungkinkan ia dipertimbangkan dalam dua kategori zakat iaitu berdasarkan zakat perniagaan atau berdasarkan zakat wang (lihat Jadual 4).

Jadual 4: Zakat Ternakan Sumber Diikhtilaf

Hasil ternakan	Kategori	'Illah	Syarat	Kadar
Selain <i>an'ām</i>	a) Jangka panjang -Telur, susu	Kekayaan/ perniagaan (emas, perak, wang)	Haul dan nisab	2.5%
	b) Jangka pendek -Ayam daging, ikan ternak, puyuh	Kekayaan/ perniagaan (emas, perak,wang)	Nisab tanpa haul	2.5%
	c) Ternakan lain madu, telur penyu	Kekayaan (hasil pertanian)	Nisab tanpa haul	5% atau 10%

d) Hasil Galian

Hasil galian didefinisikan sebagai semua hasil daripada kegiatan galian sama ada ia dikeluarkan daripada perut bumi secara langsung atau tidak langsung. Kegiatan ini melibatkan sama ada usahanya bersifat dilombong atau tidak dilombong dan sama ada bendanya bersifat pepejal atau cecair. Hasil galian bersifat pejal yang dilombong seperti biji timah dan permata manakala yang tidak dilombong seperti mutiara. Hasil galian yang bersifat cecair pula adalah seperti minyak dan raksa.

Para *fugahā'* berbeza pendapat mengenai galian yang dikenakan zakat. Mazhab Abū Hanīfah menyatakan wajib zakat pada semua barang yang dapat dilebur dengan api seperti emas, perak, besi dan tembaga. Zakat tidak disyaratkan nisab sama ada sedikit atau banyak. Adapun yang tidak cair seperti permata, maka tidak wajib zakat. Bagi Mazhab Mālik dan Syafi'i pula menyatakan wajib zakat pada emas dan perak sahaja. Zakat dikenakan tidak disyaratkan haul.

Namun demikian, jika berpegang dengan Mazhab Ahmad, zakat boleh dikenakan ke atas semua jenis galian kerana mazhab ini menyatakan bahawa segala hasil bumi yang berharga dan tercipta di dalamnya seperti emas, perak, timah, besi permata, zamrud, berlian, minyak dan belerang adalah wajib zakat dengan syarat hasilnya cukup nisab sama ada dengan dirinya atau menurut nilai harganya.

Berdasarkan kepada pandangan berbeza antara *fuqahā'*, masih terdapat ruang untuk mengenakan zakat pada hasil galian berpandukan kepada pandangan Imam Ahmad. Kemungkinan untuk mengenakan zakat berdasarkan kepada ‘*illah* dan syarat sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 5 berikut.

Jadual 5: Zakat Galian Sumber diikhtilāf

Galian	Kategori	‘Illah	Syarat	Kadar
Hasil bumi	a) Boleh lebur - Timah, besi, tembaga	Boleh lebur	Nisab sahaja	20%
	b) Tak boleh lebur -Permata, zamrud, berlian, blerang, raksa, minyak	Kekayaan	Nisab dan haul	2.5%

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Pensampelan

Kajian dilakukan dengan menggunakan data primer yang disampel daripada responden setiap negeri seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Responden dipilih secara rawak seboleh-bolehnya mewakili setiap lapisan masyarakat dari segi kawasan, jantina, lapisan umur dan latar belakang pendidikan. Kajian dilakukan dengan membahagikan lokasi kawasan kajian kepada 4 zon iaitu zon utara, zon tengah, zon selatan dan zon timur. Zon utara meliputi Perlis, Kedah dan Perak dengan jumlah responden bagi zon ini ialah seramai 1250 orang. Zon tengah pula meliputi Selangor dan Wilayah Persekutuan dengan jumlah responden seramai 1250. Bagi zon Selatan iaitu Negeri

Sembilan, Melaka dan Johor mempunyai jumlah responden seramai 1050 orang. Seramai 1450 responden diambil daripada zon Timur yang diwakili oleh Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Pemilihan responden dilakukan secara rawak daripada individu yang mewakili pelbagai sektor ekonomi sama ada yang aktif atau tidak aktif. Jenis pekerjaan responden meliputi individu yang makan gaji dan bekerja sendiri. Bagi individu yang makan gaji terdiri daripada kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta dalam pelbagai bidang profesional, pengurusan dan pentadbiran, teknikal serta sokongan. Bagi responden yang bekerja sendiri pula, mereka terdiri daripada golongan yang terlibat dalam sektor pertanian, penternakan, perlombongan dan perniagaan.

Analisis Data

Data akan dianalisis menggunakan kaedah analisis diskriptif seperti jadual kekerapan, peratusan, jadual silang dan ujian Khi Kuasa Dua.

Pembahagian Sektor Ekonomi

Untuk memudahkan analisis di dalam kajian ini, aktiviti ekonomi akan dikategorikan secara umumnya kepada empat kategori perusahaan utama iaitu perolehan pendapatan wang, profesional dan terimaan, hasil tanaman, hasil ternakan dan hasil perlombongan. Perincian pembahagian tersebut meliputi aktiviti yang terlibat ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Kategori Harta *Diikhtilaf*

Harta	Definisi	Jenis	Mazhab
Pendapatan wang/profesional/terimaan	Semua jenis pendapatan dan perolehan dalam bentuk wang	Gaji, pendapatan bebas, bon, saham, surat jaminan, hibah, royalti, hono-rarium, perundingan & <i>al-mustaghallāt</i>	Ijmak ulamā'
Hasil tanaman	Semua hasil pertama dari tanaman sama ada jangka pendek atau panjang dan makanan rujti atau tidak	Kelapa sawit, dusun, getah, koko, sayuran & madu	Abū Hanīfah dan Abū Yūsuf

sambungan Jadual 6: Kategori Harta Diikhtilāf

Harta	Definisi	Jenis	Mazhab
Hasil ternakan	Semua hasil yang diperolehi dari kegiatan ternakan haiwan yang diperniagakan	Ayam, itik, ikan, burung, burang unta & arnab	Ijmak ulamā'
Hasil galian	Semua hasil dari perut bumi sama ada pejal atau cair dan boleh lebur atau tidak	Biji timah, biji besi, permata & petroleum	Mazhab Ahmād

Penerimaan masyarakat terhadap zakat harta diikhtilāf

Usaha mengenakan zakat bagi pendapatan gaji telah menimbulkan pelbagai reaksi, setuju dan tidak setuju. Begitu jugalah reaksi yang akan timbul sekiranya usaha dilakukan untuk mengenakan zakat ke atas aktiviti ekonomi yang lain yang diikhtilāf kewajipan zakat atasnya. Kajian ini telah menunjukkan bahawa secara umumnya, masyarakat mempunyai tanggapan yang positif ke atas langkah ini.

a) Persepsi Umum mengikut Kategori Harta

Jadual 7: Tanggapan terhadap Zakat Harta Diikhtilāf

Jenis Harta	Purata % Tanggapan		
	Setuju	Tak Setuju	Berkecuali
Pendapatan/ perolehan	42.7	15.5	41.8
Hasil Pertanian	53.8	15.2	31.0
Hasil Ternakan	41.9	24.2	33.9
Hasil Galian	73.2	4.55	22.3
Purata keseluruhan	52.9	14.9	32.2

Keputusan dalam Jadual 7 menunjukkan tanggapan masyarakat terhadap pelaksanaan zakat mengikut empat kategori umum harta yang dinyatakan. Keputusan menunjukkan bahawa secara umumnya, sebanyak 52.9 % penduduk Malaysia bersetuju jika zakat dikenakan ke atas harta yang diikhtilāf wajib zakat. Hanya 14.9 % mengatakan tidak bersetuju dan 32.2% lagi berkecuali. Keputusan ini menunjukkan satu reaksi yang positif ke atas langkah memperluaskan asas harta zakat.

b) Persepsi Umum mengikut Jenis Harta / Aktiviti

Perincian mengikut jenis harta juga menunjukkan bahawa lebih ramai yang bersetuju daripada yang tidak bersetuju. Bagi zakat pendapatan hasil pertanian dan hasil galian, peratus persetujuan masing-masing ialah 53.8% dan 73.2 %. Walaupun bagi hasil pendapatan wang dan hasil ternakan peratusan persetujuan kurang daripada 50% namun, ia tetap lebih tinggi daripada peratusan yang tidak bersetuju iaitu 42.7 % berbanding 15.5% bagi pendapatan wang dan 41.9% berbanding 24.2% bagi hasil ternakan.

Perincian persetujuan mengikut jenis aktiviti ekonomi menunjukkan bahawa individu yang bersetuju jauh lebih besar berbanding yang tidak bersetuju bagi setiap jenis aktiviti ekonomi dan setiap jenis harta . Keputusan ini menunjukkan bahawa masyarakat akan memberi sambutan yang baik jika usaha dilakukan untuk mengenakan zakat ke atas pelbagai jenis harta yang *diikhtilaf*. Keputusan ini dapat memberi keyakinan dan menghilangkan keraguan dan kekuatiran banyak pihak tentang keimbangan penerimaam masyarakat ke atas langkah memperluaskan asas zakat. Petunjuk ini sepatutnya menjadi pendorong yang kuat kepada pelbagai pihak berwajib untuk melaksanakan usaha memperluaskan lagi asas zakat bagi harta *diikhtilaf*.

Peratusan persetujuan dan tidak setuju mengikut jenis aktiviti ekonomi secara terperinci ditunjukkan seperti di dalam Jadual 8. Keputusan dalam Jadual 8 menunjukkan petanda yang positif terhadap zakat ke atas harta yang *diikhtilaf*. Secara umumnya, peratus individu yang bersetuju terhadap pelaksanaan zakat bagi aktiviti ekonomi harta *diikhtilaf* lebih besar daripada peratusan yang tidak bersetuju. Penerangan ringkas dapat dinyatakan mengikut kategori aktiviti ekonomi seperti berikut:

Jadual 8: Tanggapan mengikut Aktiviti Ekonomi

Jenis harta	% Tanggapan		
	Setuju	Tak setuju	Berkecuali
Pendapatan			
a) Gaji	73.6	13.7	12.7
b) Pendapatan bebas	54.9	15.7	29.3
c) Bon	53.0	7.8	39.2
d) Saham	64.7	6.6	28.7
e) Surat jaminan	22.3	22.9	54.8
f) Hibah	21.3	29.2	49.5
g) Royalti	45.5	13.7	40.8
h) Honorarium	23.1	14.7	62.2
i) Perundingan	25.9	15.2	58.9
Purata	42.7	15.5	41.8
Hasil Tanaman			
a) Kelapa sawit	67.6	8.9	23.5
b) Dusun	60.3	13.1	26.6
c) Getah	61.6	11.2	27.3
d) Koko	57.8	12.0	30.2
e) Sayuran	41.9	22.1	36.0
f) Madu	33.8	23.9	42.3
Purata	53.8	15.2	31.0
Hasil Ternakan			
a) Ayam	48.9	22.0	29.1
b) Itik	45.1	23.3	31.6
c) Ikan	42.2	25.0	32.8
d) Burung	35.4	27.8	36.8
e) Burung unta	44.1	21.0	34.9
f) Arnab	35.6	26.2	38.2
Purata	41.9	24.2	33.9
Hasil galian			
a) Timah	74.1	4.1	21.8
b) Besi	72.1	4.7	23.2
c) Permata	72.4	5.1	22.5
d) Petroleum	74.0	4.3	21.7
Purata	73.2	4.55	22.3
Purata Keseluruhan	52.90	14.90	32.20

i) Pendapatan / Penerimaan

Secara umumnya peratus bersetuju adalah 42.7 % berbanding 15.5 % tidak bersetuju. golongan tidak pasti walaupun agak besar iaitu 41.8 % tidaklah membimbangkan kerana mereka boleh diberi lebih penerangan untuk bersetuju. Bagi setiap kategori aktiviti ekonomi walaupun peratus bersetuju agak rendah, tetapi tetap melebihi peratus tidak bersetuju kecuali bagi pendapatan surat jaminan dan hibah. Bagi pendapatan dari bon, saham dan pendapatan bebas, peratus persetujuan adalah melebihi 50%. Kesimpulannya boleh dikatakan bahawa individu memberi reaksi positif tentang langkah mengenakan zakat ke atas pendapatan dan penerimaan.

ii) Hasil Pertanian

Peratus bersetuju terhadap pengenaan zakat bagi hasil pertanian yang *diikhtilaf* adalah melebihi peratus yang tidak bersetuju., iaitu 53.8% berbanding 15.2%. Bagi setiap pecahan aktiviti pertanian pula peratus persetujuan melebihi 50% kecuali bagi hasil sayuran dan madu. Namun demikian, bagi setiap aktiviti pertanian peratus persetujuan tetap melebihi peratus tidak bersetuju. Keputusan menunjukkan bukti yang menarik kerana individu menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi untuk mengenakan zakat bagi usaha ladang kelapa sawit, dusun dan getah masing-masing 67.6%, 60.3% dan 61.6%.

iii) Hasil Ternakan

Purata peratus persetujuan bagi hasil ternakan agak rendah iaitu 41.9%, namun ia tetap melebihi peratus tidak setuju di mana nilainya adalah 24.2 %. Perincian mengikut jenis aktiviti ternakan juga menunjukkan nilai yang agak rendah iaitu kesemuanya kurang daripada 50%. Peratus yang agak tinggi adalah zakat bagi hasil ternakan ayam iaitu 48.9%. Walau bagaimanapun, individu umumnya memberi reaksi positif kerana yang bersetuju melebihi yang tidak bersetuju.

iv) Hasil Galian

Bagi hasil galian individu nampaknya sepakat terhadap penerimaan mengenakan zakat atasnya. Purata peratus keseluruhan serta peratus mengikut aktiviti perlombongan kesemuanya melebihi 70%. Ini bererti langkah mengenakan zakat bagi hasil perlombongan yang *diikhtilaf* tidak menghadapi sebarang masalah.

c) Persepsi mengikut Negeri

Jadual 9: Persepsi mengikut Negeri

Negeri	Penerimaan (% purata keseluruhan)		
	Setuju	Tak setuju	Berkecuali
Selangor	50.32	13.32	36.36
P Pinang	50.62	15.97	33.40
Kedah	57.98	12.60	29.44
Perlis	54.51	17.90	27.60
Perak	53.37	13.55	33.07
Johor	51.05	19.80	32.52
Melaka	56.01	14.25	29.72
N Sembilan	44.06	17.86	38.09
Pahang	50.22	9.64	40.14
Terengganu	55.82	19.99	24.19
Kelantan	56.61	15.46	27.94
Purata keseluruhan	52.90	14.90	32.20

Jadual 9 menunjukkan bahawa daripada 11 negeri yang dikaji, kesemuanya menunjukkan peratus persetujuan melebihi 50% kecuali Negeri Sembilan yang mencatatkan persetujuan sebanyak 44.06%. Empat negeri tertinggi menunjukkan persetujuan ialah Kedah, Kelantan, Melaka dan Terengganu di mana masing-masing menunjukkan 57.98%, 56.61%, 56.01% dan 55.82%. Ini bermakna bahawa empat negeri tersebut akan memberi respon yang lebih positif ke atas langkah mengenakan zakat ke atas harta yang *diikhtilāf*.

Peratusan masyarakat yang menyatakan setuju secara keseluruhan ialah 52.90% berbanding dengan tidak setuju sebanyak 14.90 %. Setiap negeri secara individu juga menunjukkan reaksi yang positif di mana peratusan bersetuju kesemuanya melebihi peratus tidak setuju. Ini bermakna bahawa langkah memperluaskan asas zakat harta mempunyai jalan mudah di mana tentangan atau halangan dari masyarakat ke atas langkah tersebut dijangka tidak akan berlaku.

Masyarakat Negeri Sembilan pula membayangkan persetujuan yang paling rendah iaitu 44.6%. Ini bermakna bahawa Negeri Sembilan akan memerlukan lebih penerangan

ke atas pelaksanaan zakat ke atas harta yang *diikhtilaf*. Perincian keadan ini dapat dilihat seperti di dalam Jadual 9. Keputusan menunjukkan bahawa seluruh negeri di Malaysia memberi peratus persetujuan yang tinggi dan kesemuanya melebihi peratus tidak setuju. Ini menandakan bahawa individu di kesemua negeri umumnya bersedia dan menerima langkah untuk mengenakan zakat ke atas harta yang *diikhtilaf*.

KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini cuba memperluaskan asas zakat harta dengan mengenalpasti harta *diikhtilaf* yang mungkin boleh dizakat serta menilai apakah respon masyarakat terhadap langkah tersebut. Kajian dilakukan di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak lagi sumber harta baru yang boleh dizakat terutama atas alasan harta tersebut memberi hasil yang lumayan. Kaedah daripada nas atas prinsip kekayaan atau *al-nama'* boleh digunakan untuk menentukan wajib zakat keatas harta tersebut. Harta tersebut boleh dikategorikan kepada empat kategori utama iaitu hasil pendapatan, perolehan dan profesional; hasil tanaman; hasil ternakan dan hasil galian.

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat memberi respon yang positif iaitu umumnya bersetuju terhadap langkah mengenakan zakat terhadap harta yang *diikhtilaf*. Ini menandakan bahawa masyarakat umumnya menerima langkah tersebut dan bermakna bahawa usaha untuk melaksanakan langkah tersebut mempunyai harapan yang cerah untuk berjaya.

Namun demikian, terdapat tiga cabaran utama dalam melaksanakan langkah tersebut iaitu:

Pertama, menentukan '*illah* zakat secara jelas dan menyakinkan; Kedua, menentukan jenis harta yang perlu dizakat secara tepat; dan Ketiga, menentukan kaedah pengiraan zakat bagi setiap jenis harta.

Perkara di atas perlu diberi perhatian kerana ketidakjelasan akan menyebabkan keengganan membayar zakat. Oleh kerana setiap satu jenis harta mempunyai sifat yang berbeza dengan yang lain walaupun dalam kategori yang sama, maka cadangan perlu mempunyai alasan yang menyakinkan. Kaedah pengiraan ini sebenarnya masih memerlukan satu kajian yang khusus.

Satu perkara yang juga perlu diberi perhatian ialah tentang keengganan individu membayar zakat kepada pusat zakat atau mana-mana institusi formal. Sekiranya perkara ini berlaku, maka walaupun zakat dikenakan ke atas harta *diikhtilāf* dan individu bersetuju membayarnya tetapi hasil kutipan zakat yang dapat dikutip oleh pusat zakat tidak akan meningkat dengan banyak. Masalah ini disebut sebagai masalah bocoran iaitu individu membayar zakat terus kepada asnaf dan bukan kepada pusat formal kutipan zakat. Alasan yang selalu diberi oleh individu ini ialah kerana dia tidak begitu yakin kecekapan pusat zakat mengurus wang zakat khususnya dalam agihan zakat. Keyakinan masyarakat tentang kecekapan dan ketelusan pusat zakat mengurus wang zakat perlu ditingkatkan supaya setiap individu akan membayar zakat kepada pusat formal pungutan zakat.

Untuk menjayakan langkah memperkenalkan zakat ke atas harta yang *diikhtilāf* beberapa perkara perlu diberi perhatian di antaranya ialah:

- a) Menerangkan ‘*illah* zakat dengan jelas dan menyakinkan;
- b) Mewartakan kewajian zakat harta tersebut melalui perundangan;
- c) Memperincikan kaedah pengiran zakat bagi setiap jenis harta;
- d) Menambahkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan institusi formal pungutan zakat untuk mengelakkan bocoran hasil kutipan zakat supaya pelaksanaan langkah ini benar-benar dapat menambah hasil kutipan zakat; dan
- e) Memperkemas proses agihan zakat agar fungsi zakat dapat dirasai oleh masyarakat penerima dan pembayar zakat.